

02/06/2001

Kegiatan gengster, pengambilalihan akhbar Cina tumpuan akhbar

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

PENINGKATAN kadar jenayah di kalangan remaja menjadi berita utama akhbar Tamil sepanjang minggu ini, terutama pembabitkan dalam jenayah dan kegiatan gengster.

Tamil Nesan (Nesan), dalam editorialnya, melaporkan kes jenayah dan kegiatan gengster membabitkan remaja India di bandar menunjukkan peningkatan membimbangkan dan perlu dibanteras segera.

Lidah pengarang itu juga menegaskan sikap masyarakat yang menganggap pencegahan jenayah adalah tanggungjawab pihak berkuasa saja harus dikikis dan usaha bersepadu perlu diselaraskan bagi membasmi jenayah dengan lebih berkesan.

Sehubungan itu, agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) digesa mempertingkatkan penganjuran pelbagai program pembangunan remaja dan memastikannya dilaksanakan secara berterusan.

Selain itu, masyarakat setempat disaran memainkan peranan proaktif dalam membimbing remaja bermasalah di kawasan mereka bagi membentuk akhlak yang mulia bagi menjamin masa depan lebih cerah.

Sementara itu, Malaysia Nanban (Nanban) mencadangkan pihak berkenaan memperketatkan penguatkuasaan bagi memastikan larangan remaja bawah umur mengunjungi premis hiburan yang menjual alkohol.

Akhbar berkenaan turut menyarankan supaya had umur bagi memasuki pusat hiburan seperti disko atau pusat permainan video dinaikkan kepada 21 tahun berbanding 18 tahun sekarang.

Dalam perkembangan lain, Nanban turut melaporkan kempen pendaftaran pengundi anjuran Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menghadapi beberapa masalah.

Kempen yang berlangsung sepanjang Mei lalu mensasarkan pendaftaran 200,000 pengundi baru tetapi sehingga pertengahan minggu ini, hanya sekitar 15,000 yang mendaftar.

Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, dilaporkan berkata hanya kira-kira 2,000 pengundi baru mendaftar di Sarawak walaupun negeri itu sedang mengalami demam pilihan raya.

Sementara itu, Nesan meramalkan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, mungkin kembali aktif dalam politik tanah air.

Akhbar itu memetik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyatakan Razaleigh masih menjadi anggota Umno dan berkemungkinan tinggi menyertai arus perdana politik negara.

Sementara itu, pengambilalihan Nanyang Press Holdings Bhd oleh Huaren Holdings Sdn Bhd yang mengakibatkan bantahan banyak persatuan dan masyarakat Cina sepanjang minggu lalu mendapat perhatian ketiga-tiga akhbar berbahasa Cina edisi Khamis lalu.

Ini kerana sebanyak 205 persatuan Cina, termasuk ahli MCA membantah tindakan pengambilalihan itu, sekali gus menubuhkan 'Jawatankuasa Menentang MCA Mengambil Alih Nanyang Siang Pau dan China Press'.

Sementara itu, Biro Publisiti MCA dipetik ketiga-tiga akhbar itu Rabu lalu berkata, MCA melalui Huaren Holdings mengambil alih Nanyang Press Holdings bertujuan menyelamatkan Nanyang Siang Pau selain memberi manfaat kepada pemegang saham kecil dan jaminan kebajikan kakitangan.

Menurutnya, beberapa tahun ini, Nanyang Siang Pau bukan saja tidak mengalami sebarang kemajuan, malah keuntungan yang diperoleh berkurangan sehingga menyebabkan Hong Leong Group kecewa dengan pentadbiran akhbar itu.

Justeru, katanya, dakwaan pihak luar bahawa Hong Leong Group dipaksa menjual saham Nanyang Press Holdings tidak benar kerana kumpulan kewangan itu sendiri tidak sabar menjual saham dalam syarikat akhbar itu sejak enam bulan lalu.

Menurutnya, beberapa tahun ini, sikap tidak `mesra' Nanyang Siang Pau serta China Press terhadap MCA adalah jelas. Bagaimanapun, parti itu tidak berharap akhbar berkenaan menyanjung atau memburuk-burukkan MCA, atau `mencantikkan' matlamat Pas menjadikan Malaysia negara Islam.

Mereka hanya berharap kedua-dua akhbar itu melaporkan berita daripada semua pihak secara adil.

Sebelum itu, Isnin lalu, kolum analisis China Press membidas tindakan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek yang dikatakan tidak tetap kerana Lim dilaporkan masih memerlukan masa memikirkan cadangan pengambilalihan pada mesyuarat Majlis Presiden 23 Mei lalu.

Menurut penulis, pemimpin MCA sebagai parti yang memimpin masyarakat Cina, harus berjalan di hadapan masyarakat itu, bukannya mengikut mereka.

Dalam menghadapi kontroversi, pemimpin harus memberi isyarat tepat sebagai rujukan atau ikutan masyarakat Cina.

Menurut penulis, jika kumpulan penyokong Lim tidak menyokong pengambilalihan itu, mereka harus mengarahkan masyarakat Cina bertindak, bukannya menunggu arahan masyarakat itu.

(END)